

1046

**PENGETAHUAN DABT AL-QURAN DALAM KALANGAN
PELAJAR SEMESTER ENAM DIPLOMA TAHFIZ
AL-QURAN DAN AL-QIRAAAT, IQSA**

Aslam Farah Binti Selamat

Shaharuddin Bin Pangilun

Mardhiah Binti Yahaya

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohd Faizulamri Bin Mohd Saad

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian tahap kefahaman dabit al-quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali (IQSA), Bukit Katil, Melaka. Suatu menunjukkan hanya 32% daripada 165 orang dapat membaca al-Quran Majid dengan betul. Satu perkara yang perlu ditonjolkan di sini ialah kesalahan-kesalahan teks al-Quran dari sudut penulisan dan penandaan dalam Mushaf Quran Majid ini juga telah berlaku di tempat-tempat yang lain. Oleh itu, tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti tahap penguasaan metode dabit dalam kalangan pelajar dalam memastikan individu dalam bidang al-Quran adalah mahir dalam ilmu ini. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif, di mana soal selidik telah diedar kepada sampel-sampel di pusat yang telah dikenal pasti. Ia juga berbentuk deskriptif bagi menjelaskan sesuatu kenyataan dengan menganalisis data daripada soal selidik yang diperolehi. Hasil kajian mendapati tahap kefahaman Dabit al-Quran di kalangan pelajar masih berada ditahap yang tinggi dan perlu kepada penambahbaikan. Min kepada Kefahaman pelajar terhadap ilmu ini ialah 4.06. Disamping itu, min faktor-faktor yang memahami ilmu ini juga berada ditahap yang tinggi iaitu 3.53. Di harap penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan penguasaan ilmu al-Quran di kalangan pelajar agar menjadi lebih mantap, di samping dapat memberi pendedahan dan membimbing masyarakat dalam menguasai ilmu-ilmu al-Quran dengan lebih baik. Seterusnya, dapat membantu Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkepentingan dalam memastikan matlamat Pendidikan Islam dalam negara ini tercapai.

Keyword: Pelajar, Rasm, Uthmani, Pengetahuan, Al-Quran, IQSA

1. PENDAHULUAN

Al-Quran al-Karim yang ditulis dengan *Rasm Uthmani* di zaman mutakhir ini telah tersebar dengan meluasnya ke seluruh dunia Islam. Ulama' telah mengambil perhatian, dengan melakukan kajian dan penjagaan yang teliti terhadap penulisan al-Quran yang ditulis oleh para sahabat r.a di hadapan Rasulullah s.a.w.. Cukuplah apabila ditanya kepada Imam Malik r.a tentang apakah boleh menulis al-Quran mengikut ejaan semasa? Beliau menjawab mestilah menulis mengikut kaedah yang ditulis oleh penulis wahyu.¹ Kaedah tersebut telah dibukukan oleh ulama' dalam beberapa bentuk bahawa Rasm Uthmani mempunyai enam usul seperti berikut: *al-Hazf*, *al-Ziyadah*, *al-Badl*, *al-Hamz*, *al-Fasl wa al-Wasl*, *Ma fi qiraatain kutiba ala ihdahuma*.²

¹ Ali Muhammad Dabba', *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabit Kitab al-Mubin*, m.s. 19.

² Ahmad bin Muhammad al-Banna, *Ittihaf Fadala' al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, (Kaherah: Makabah Kulliyyah al-Azhar. 1987M/1407H), m.s 83.

Penguasaan ilmu Rasm ini bagi seorang yang menghafaz al-Quran memang tidak dapat dinafikan penting kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini merujuk ilmu ini pada orang yang ahli pada bidangnya. Tidak ketinggalan juga, mereka yang menghafaz al-Quran pada biasanya akan menjadi guru al-Quran dalam melaksanakan tugas yang sama seperti mana guru lain dalam mendidik para pelajar, tanggungjawab kepada rakan sejawat, masyarakat dan negara. Maka menyampaikan ilmu secara sukarela dan ikhlas semata-mata kerana Allah merupakan jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam seperti mana yang dituntut dalam syariat Islam.

Oleh itu, menjadi suatu tanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada golongan penghafaz al-Quran yang secara langsung sebagai pemberi maklumat dan kefahaman terhadap pelbagai lapisan masyarakat sama ada di peringkat sekolah, di kalangan remaja mahupun warga emas dengan memberi pendedahan tentang sejarah penulisan, pengumpulan dan pembukuan mashaf al-Quran seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan dengan dabt al-Quran serta mendedahkan perkara berkenaan sab'ah ahruf dan kepelbagaian wajah qiraat terkandung di dalam Mashaf Rasm Uthmani.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Program Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka telah beroperasi secara sementara di Masjid Saiyyidina Ali, Bukit Katil, Melaka sejak tahun 2010. Sehingga kini IQSA telah menerima sejumlah 343 orang pelajar dan 54 daripadanya telah menyambung pengajian ke mesir dan beberapa universiti tempatan dan luar negara.

Ilmu yang berkaitan dengan Rasm dan Dabt akan dipelajari ketika para pelajar berada di semester ke lima pengajian. Mereka akan pelajari dalam dua matapelajaran yang berasingan. Oleh itu, responden yang dipilih adalah dari kalangan pelajar yang berada di semester 6 pengajian kerana mereka kesemuanya telah mempelajari ilmu yang ingin dikaji.

Seorang yang menghafaz al-Quran seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang yang diceburi agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan inspirasional. Ada kalanya masyarakat bertanya perkara melebihi sukanan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya seorang huffaz itu berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan masyarakat untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya sorang huffaz itu dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan masyarakat. Masyarakat akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang.

Demikian sebaliknya, jika seseorang huffaz itu gagal untuk menjawab pertanyaan masyarakat atau sentiasa menangguhkan jawapan, menyebabkan masyarakat kurang berkeyakinan kepada huffaz tersebut dan pembunuhan minat mereka untuk belajar.

Melihat kepada senario tersebut, adalah amat wajar sekali kerajaan negeri mengambil inisiatif bagi menambah baik penguasaan dan kemahiran di kalangan para huffaz al-Quran. Usaha ini sangat tepat masanya dengan melihat demi memperkuat dan memartabatkan agama Islam di bumi Malaysia ini pada masa akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- 3.1 Mengenal pasti tahap kefahaman dabt al-Quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka
- 3.2 Mengkaji faktor-faktor membantu kefahaman ilmu Dabt al-Quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka

4. PERSOALAN KAJIAN

- 4.1 Apakah tahap kefahaman dabt al-quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka?
- 4.2 Apakah faktor-faktor membantu kefahaman ilmu Dabt al-Quran dalam kalangan pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka?

5. KEPENTINGAN KAJIAN

Para huffaz yang menguasai ilmu ini akan dapat membaca al-Quran dengan baik dan mengurangkan kesalahan dalam pembacaan al-Quran disamping dapat memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan masyarakat dengan adanya penekanan dan pengukuhan pada para huffaz kerana mereka akan mampu mengaplikasikan dan menyampaikannya kepada masyarakat.

6. REKA BENTUK KAJIAN

Reka Bentuk Kajian ini juga berbentuk deskriptif kerana ianya menjelaskan sesuatu kenyataan itu dengan menganlisys sesuatu data itu daripada soal selidik yang dijalankan. Segala pandangan dan data yang diperolehi daripada mereka akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan kemudian akan dianalisis secara kuantitatif untuk memperolehi maklumat yang sebenarnya.

7. INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang akan menggunakan borang soal selidik sebagai instrument utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Soal selidik yang diedarkan ini telah mendapat pengesahan 4 orang pakar yang berkaitan dengan bidang kajian.

Bagi kajian dijalankan, instrumen kajian berbentuk soal selidik telah digunakan dan soal selidik ini mempunyai tiga bahagian seperti berikut:

Bahagian A : Demografi responden

Bahagian B : Kefahaman Kaedah Dabt Al-Quran

Bahagian C : Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran

8. KAEDAH PERSAMPELAN

Sampel bagi kajian ini adalah merangkumi semua pelajar semester 6, Diploma Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Institut al-Quran Saidina Ali, Melaka.

9. KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Bahagian ini akan memperihalkan data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan “Statistical Program for Sosial Sciences (SPSS).” Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif melalui peratusan dan min. Tujuan bahagian ini juga untuk membincangkan hasil analisis data tentang beberapa aspek tertentu seperti:

9.1 Kaedah Dabt Al-Quran.

9.2 Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran.

Responden perlu memberi jawapan kepada soal selidik yang disediakan berdasarkan latar belakang pengetahuan mereka, berpandukan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjuk kepada respon sangat tidak setuju dan 5 untuk sangat setuju. Skor jawapan yang diperolehi diinterpretasikan seperti yang dicadangkan oleh Jainabee & Jamil (2009) dan Ab. Halim (2010). Skor min 4.21 – 5.00 menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang sangat tinggi, min 3.41 – 4.20 menunjukkan persetujuan pada tahap tinggi, min 2.61 – 3.40 menunjukkan mereka bersetuju pada tahap sederhana, min 1.81-2.60 menunjukkan persetujuan pada tahap yang rendah, dan min 1.00 – 1.80 adalah menunjukkan tahap yang sangat rendah.

Jadual 1 Skala yang digunakan dalam Instrumen penilaian

MIN	NILAI DATA	INTERPRETASI
1.00 – 1.80	1	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	2	Rendah
2.61 – 3.40	3	Sederhana
3.41 – 4.20	4	Tinggi
4.21 – 5.00	5	Sangat tinggi

Sumber: Jainabee & Jamil (2009) dan Ab. Halim (2010)

10. DAPATAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, soal selidik telah diedarkan kepada 15 orang pelajar yang terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki dan 6 orang pelajar perempuan. Mereka merupakan pelajar semester 6, program Diploma Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat, IQSA. Set soal selidik diedarkan secara rawak di mana semua pelajar mempunyai peluang untuk dipilih bagi menjawab set soalan kajian rintis ini.

Bagi menentukan kebolehpercayaan item dalam instrumen, analisis statistik dilaksanakan merujuk kepada nilai kebolehpercayaan serta pengasingan item. Hasil daripada kajian yang dijalankan, didapati nilai pekali Cronbach Alpha adalah kurang (< 0.60). Oleh itu, beberapa item terpaksa dikeluarkan bagi menepati tahap kebolehpercayaan yang telah ditetapkan. Setelah beberapa item dikeluarkan, nilai pekali Cronbach Alpha telah mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi (>0.60).

BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 2 : Latar Belakang Responden

LATAR BELAKANG	KATEGORI	KUIS	
		BIL (n)	%
Jantina	Lelaki	9	60
	Perempuan	6	40
Latarbelakang Pendidikan	Sekolah Menengah Kebangsaan	3	20.0
	Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM)	2	13.3
	Sekolah Menengah Agama (Sma)	6	40.0
	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (Smka)	2	13.3
	Maahad Tahfiz	1	6.7
	Lain – Lain	1	6.7
Pengalaman mempelajari ilmu Rasm	Pernah	15	100
	Tidak pernah	0	0

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa latar belakarang profil responden yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu jantina, latar belakang pendidikan, dan pengalaman mempelajari ilmu Rasm. Keseluruhan responden yang berjumlah 15 orang adalah dari kalangan pelajar enam Diploma Tahfiz Al-Quran dan al-Qiraat yang terdiri daripada 9 orang pelajar lelaki (60%) dan 6 orang pelajar perempuan (40%) dan masing-masing mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Responden tertinggi merupakan responden yang merupakan pelajar lepasan Sekolah Menengah Agama (SMA) iaitu seramai 6 orang (40%), diikuti dengan pelajar lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) seramai 3 orang (20%), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM) masing-masing seramai 2 orang (13.3%). Hanya seorang sahaja pelajar lepasan Maahad Tahfiz (6.7%). Dari sudut pengalaman dalam mempelajari ilmu rasm, semua pelajar semester enam ini mempunyai pengalaman dalam mempelajari ilmu ini. Mereka telah mempelajari ilmu ini semasa berada di semester ke lima pengajian.

11. BAHAGIAN B: ANALISIS KAEDEAH DABT AL-QURAN

Jadual 3 : Analisis Kaedah Dabt Al-Quran

BIL	ITEM	MIN
B1	Dabt adalah suatu ilmu yang membincangkan bentuk-bentuk penandaan al-Quran	4.60
B3	Abu al-Aswad ad-Duali merupakan orang pertama yang meletakkan Dabt pada penulisan al-Quran	4.13
B4	Tanda-tanda waqaf yang terdapat di dalam al-Qur'an di namakan Dhabit al-Qur'an	4.33
B5	Ilmu Dabt terbahagi kepada dua iaitu <i>Nuqat I'rob</i> dan <i>Nuqat I'jam</i>	4.87
B7	Tanda tasydid diambil dari kepala syin	3.87
B10	Tanda hamzah diambil daripada kepala huruf 'Ain	3.80
B12	Meletakkan tanda mim kecil pada hukum iqlab merupakan pandangan dari Abu Daud	3.53
B15	Mazhab <i>Nuqat Madinah</i> dan <i>Andalus</i> meletakkan huruf Dal terbalik sebagai tanda Tasydid	3.33
Jumlah Min		4.06

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis kaedah Dabt Al-Quran bagi pelajar semester enam Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, IQSA. Secara keseluruhannya, jumlah analisis pengetahuan mengenai kaedah Rasm Uthmani berada di tahap yang tinggi iaitu min sebanyak 4.06. Dalam bahagian ini terdapat soalan positif dan negatif. Soalan ini diletakkan bagi memastikan kefahaman dan pengetahuan responden. Jika melihat secara terperinci, item B15 iaitu "Mazhab *Nuqat Madinah* dan *Andalus* meletakkan huruf Dal terbalik sebagai tanda Tasydid" mendapat skor paling rendah iaitu min sebanyak 3.33 dikuti dengan item B12 iaitu "Meletakkan tanda mim kecil pada hukum iqlab merupakan pandangan dari Abu Daud", B10 iaitu "Tanda hamzah diambil daripada kepala huruf 'Ain" dan B7 iaitu "Tanda tasydid diambil dari kepala syin" dengan nilai min sebanyak masing-masing 3.53, 3.80 dan 3.87.Baki item yang lain pula menunjukkan skor yang tinggi. Ini menjelaskan bahawa, pengetahuan Kaedah Dabt dalam kalangan pelajar huffaz, telah berada ditahap yang tinggi, namun disarankan untuk diperkemaskan.

12. 7.3 BAHAGIAN C: ANALISIS FAKTOR-FAKTOR MEMBANTU KEFAHAMAN ILMU DABT AL-QURAN

Jadual 4 : Analisis Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran

BIL	ITEM	MIN
C1	Saya faham semua ilmu Rasm dan Dabt yang disampaikan oleh guru didalam kelas	3.60
C2	Saya sering merujuk guru dalam memastikan ilmu dan kefahaman yang saya perolehi adalah betul	4.13
C3	Saya sering belajar dimakmal al-Quran untuk mendalami bidang al-Quran	3.33
C4	Saya sering mengakses di laman sesawang untuk memahami ilmu Rasm dan Dabt dengan lebih jelas	3.67
C5	Saya berpuas hati dengan bahan bacaan yang telah disediakan oleh pusat pengajian	3.60
C6	Saya menentukan sendiri bahan-bahan apa yang perlu saya pelajari untuk mencapai kefahaman dalam ilmu Rasm dan Dabt	3.60
C7	Buku rujukan mengenai Rasm al-Quran dan dabt al-Quran diperpustakaan tempat pengajian mencukupi	2.53
C8	Saya sering pergi ke pusat pengajian yang lain untuk menambah bahan rujukan saya mengenai Rasm dan Dabt	2.40
C9	Saya sering mengulang kaji berseorangan supaya saya lebih mudah memahami ilmu Rasm dan Dabt yang dipelajari	2.67
C10	Saya sering mengulang kaji berkumpulan supaya saya lebih mudah memahami ilmu Rasm dan Dabt yang dipelajari	3.87
C11	Saya akan membaca terlebih dahulu sebelum guru mengajar didalam kelas	3.13
C12	Saya sering bertanya didalam kelas bagi mengukuhkan kefahaman ilmu yang dipelajari	3.93
C13	Saya bertambah faham ilmu yang dipeajari dengan adanya pelbagai aktiviti didalam kelas	4.21
C14	Saya memahami ilmu Rasm dan dabt ini melalui seminar atau bengkel yang dijalankan diluar kuliah	2.67
C15	Saya bertambah faham ilmu yang dipeajari dengan adanya latih tubi didalam kelas	4.13
C16	Saya merasakan minat saya yang mendalam terhadap ilmu Rasm dan Dabt menyebabkan saya mudah faham kedua-dua ilmu ini	3.67
C17	Guru saya didalam kelas sangat membantu saya untuk lebih memahami ilmu Rasm dan Dabt	4.20
C18	Rakan sekelas sangat membantu saya untuk lebih memahami ilmu Rasm dan Dabt	4.33
Jumlah Min		3.53

Berdasarkan Jadual 4 di atas, diketahui bahawa Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran berada ditahap yang sederhana dengan skor min 3.53 bagi pelajar pelajar semester enam Diploma Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, IQSA. Faktor tertinggi yang yang membantu kefahaman ilmu Dabt al-Quran yang diperoleh dari responden dalam Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran adalah pada item C18 iaitu “Rakan sekelas sangat membantu saya untuk lebih memahami ilmu Rasm dan Dabt” dengan skor min 4.33. Seterusnya diikuti item C13 iaitu “Saya bertambah faham ilmu yang diajari dengan adanya pelbagai aktiviti didalam kelas” dan C17 iaitu “Guru saya didalam kelas sangat membantu saya untuk lebih memahami ilmu Rasm dan Dabt” dengan nilai min sebanyak masing-masing 4.21 dan 4.20. Secara keseluruhan, Faktor-Faktor Membantu Kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran ini perlu ditambah baik agar pengetahuan para huffaz mengenai ilmu al-Quran menjadi lebih mantap dan tidak berlaku sebarang masalah dalam penyampaian ilmu kepada masyarakat semasa berada di lapangan.

13. IMPLIKASI KAJIAN

Hasil daripada data yang telah diperoleh, didapati terdapat beberapa faktor yang perlu ditambah baik bagi membantu meningkatkan kefahaman Ilmu Dabt Al-Quran ini. Buku rujukan mengenai dabt al-Quran diperpustakaan tempat pengajian perlu diperbanyak supaya para pelajar dapat merujuk pelbagai jenis kitab dan dapat mempelajari ilmu ini dengan lebih mendalam. Selain itu, seminar atau bengkel juga perlu diadakan bagi menambah pengetahuan yang tidak diperolehi didalam kelas. Disamping itu juga, para pendidik dipusat pengajian juga disarankan untuk mengadakan pelbagai aktiviti di dalam dan di luar kelas yang berkaitan ilmu ini bagi meningkatkan minat para pelajar dalam memahami dan mendalami ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran.

14. KESIMPULAN

Tuntasnya, kajian di atas telah merumuskan bahawa pengetahuan ilmu Dabt al-Quran di kalangan huffaz perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat. Kurikulum yang telah disediakan perlu diambil selia terutamanya oleh pengetua dalam sesebuah institusi. Selain itu, sesuatu kurikulum juga memerlukan perubahan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan zaman. Dari aspek pengajaran pula adalah bergantung kepada kualiti tenaga pengajar di dalam sesebuah institusi. Dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan, aspek pengetahuan seorang huffaz dan kandungan pedagogi perlu seiringan untuk melahirkan masyarakat yang baik. Bahkan, dalam profesi huffaz, tugas seorang huffaz bukan sahaja menyampaikan ilmu tertentu tetapi huffaz juga berperanan sebagai pendidik manusia, justeru itu para huffaz haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisme yang menguasai ilmu-ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesi perguruan.

Keupayaan masyarakat juga untuk menguasai pembelajaran tidak terletak kepada tanggungjawab seorang huffaz semata-mata. Secanggih mana sekali pun kaedah dan teknik yang digunakan para huffaz tidak akan berhasil sekiranya ibu bapa tidak melibatkan diri dalam memberi penekanan pendidikan terhadap anak-anak. Masyarakat juga harus mempunyai minat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menguasai ketiga-tiga bidang kurikulum ini. Jika masyarakat yang terlibat tidak bermotivasi dan kurang mengulang kaji ilmu yang dipelajari, mereka pasti tidak mencapai tahap yang sepatutnya.

RUJUKAN

- Abdul Karim Ibrahim ‘Iwadh Saleh. (2006). *Al-Muthaffi Rasm al-Mushaf*. Tanta Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Adibah Binti Abdul Latif & Fatimah Harlina Mohd Taib, (t.t), Hubungan Tingkah Laku Kesediaan Pensyarah Dengan Tahap Motivasi Pelajar.
- Ahmad bin Muhammad al-Banna (1987M/1407H). *Ittihaf Fadala’ al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya’ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, Kaherah: Makabah Kulliyyah al-Azhar.
- Ali Muhammad Dabba’. (1999). *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*. Cet 1. Kaherah: Maktabah al-Azhar li Turath.
- Bond, Trevor G, & Fox, Christine M. (2007). Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences.
- Dr. Asyraf Muhammad Fuad Tala’at. (2003). *Safir al-‘Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. jilid 1. Brunei: Universiti Brunei Darus Salam.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd.Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.